



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

AHAD, 28 APRIL 2024

LAPORAN HARIAN





UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

28/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	RUMAH KEBAJIKAN DIHUNI WARGA EMAS DIPUKUL DENGAN KAYU TIDAK DAFTAR JKM		POSITIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084318/ru-mah-kebajikan-dihuni-warga-emas-dipukul-dengan-kayu-tidak-daftar-jkm	HMETRO.COM.MY	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/27/pusat-jagaan-aniaya-warga-emas-akan-ditutup-lesen-ditarik-balik-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rumah-kebajikan-warga-emas-dipukul-tidak-berdaftar-nancy-468176	ASTROAWANI.COM	
	https://majoriti.com.my/sukan/2024/04/27/video-pusat-jagaan-tular-pukul-warga-emas-di-kulim-tidak-berdaftar---nancy-shukri	MAJORITI.COM.MY	
	https://www.tvsarawak.my/2024/04/27/kpwkm-tunggu-laporan-polis-berhubung-video-pusat-jagaan-warga-emas-yang-viral/	TVSARAWAK.MY	
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2291946	BERNAMA.COM	
	https://suarasarawak.my/setiap-pusat-jagaan-perlu-didaftar-dengan-jabatan-kebajikan-masyarakat-nancy-shukri/	SUARASARAWAK.MY	
	https://www.newsarawaktribune.com.my/care-centres-must-be-registered-for-supervision/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/04/27/elderly-care-home-shown-in-abuse-videos-not-registered-says-nancy/	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	https://kualalumpurpost.net/rumah-kebajikan-warga-emas-dipukul-tidak-berdaftar/	KUALALUMPURPOST.NET	
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/rumah-kebajikan-terbabit-insiden-pukul-warga-emas-rupanya-tidak-berdaftar-akan-ditutup-nancy	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://suria.my/terkini/sukan/video-pusat-jagaan-tular-pukul-warga-emas-di-kulim-tidak-berdaftar-nancy-shukri/	SURIA.MY	
	https://malaysiagazette.com/2024/04/27/rumah-kebajikan-warga-emas-dipukul-tidak-berdaftar/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://www.dailyexpress.com.my/news/233198/elderly-care-home-shown-in-abuse-videos-not-registered-says-nancy/	DAILYEXPRESS.COM.MY	
	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/04/1043370/keh-welfare-home-elderly-man-abused-videos-not-registered-jkm-nancy	NST.COM.MY	
	https://siapakeli.my/2024/04/27/rumah-kebajikan-warga-emas-dipukul-tidak-berdaftar-nancy/	SIAPAKELI.MY	



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/4/2024

<https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2291925>

BERNAMA.COM

https://thesun.my/local_news/kedah-welfare-home-in-elderly-man-abused-videos-not-registered-with-jkm-nancy-BJ12390256

THESUN.MY

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/04/27/kedah-welfare-home-in-viral-elderly-abuse-videos-not-registered-says-nancy>

THESTAR.COM.MY

<https://www.buletintv3.my/nasional/rumah-kebajikan-warga-emas-dipukul-tidak-berdaftar/>

BULETINTV3.MY

<https://www.sinarharian.com.my/article/661642/berita/semasa/rumah-kebajikan-warga-emas-dipukul-tidak-berdaftar---nancy>

SINARHARIAN.COM.MY

<https://thesun.my/cerita/berita/rumah-kebajikan-warga-emas-dipukul-tidak-berdaftar-nancy-PI12389767>

THESUN.MY

BIL

PERKARA

SUMBER

SENTIMEN

2

DIREKTORI CBO AKAN DIPERLUAS KE DAERAH-DAERAH DI SARAWAK: NANCY

POSITIF

<https://www.utusanborneo.com.my/2024/04/27/direktori-cbo-akan-diperluas-ke-daerah-daerah-di-sarawak-nancy>

UTUSANBORNEO.COM.MY

<https://www.tvsarawak.my/2024/04/27/direktori-organisasi-berasaskan-komuniti-cbo-masih-belum-dilaksanakan-di-sarawak/>

TVSARAWAK.MY

<https://www.theborneopost.com/2024/04/27/community-based-directory-to-be-introduced-in-kuching-says-minister/>

THEBORNEOPOST.COM.MY

BIL

PERKARA

SUMBER

SENTIMEN

3

KEBAJIKAN WARGA REMBIA JADI KEUTAMAAN – FAIRUL NIZAM

POSITIF

<https://www.melakahariini.my/kebajikan-warga-rembia-jadi-keutamaan-fairul-nizam/>

MELAKAHARIINI.MY



UKK KPWK



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

28/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	KERAJAAN RANCANG PELAN TINDAKAN PERLINDUNGAN UNDANG-UNDANG KEPADA KANAK- KANAK - AZALINA		POSITIF
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/04/1239740/kerajaan-rancang-pelan-tindakan-perlindungan-undang-undang-kepada	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/04/pelan-tindakan-beri-lebih-banyak-perlindungan-untuk-kanak-kanak-warganegara-bukan-warganegara/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/661627/berita/nasional/kerajaan-rangka-hala-tuju-beri-lebih-banyak-perlindungan-kepada-kanak-kanak	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kerajaan-rangka-hala-tuju-beri-lebih-banyak-perlindungan-kepada-kanakkanak-468160	ASTROAWANI.COM	
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/27/rangka-pelan-tindakan-perlindungan-kanak-kanak-warganegara-bukan-warganegara/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/nasional/kerajaan-rancang-pelan-tindakan-perlindungan-undang-undang-kepada-kanak-kanak-azalina/	BULETINTV3.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=SnAfRn7tz3Q	YOUTUBE	
	https://www.youtube.com/watch?v=2rgL2ymvFG4	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KANAK-KANAK PEREMPUAN CEDERA TERJATUH DARI TINGKAT DUA PANGSAPURI		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/04/1239954/kanak-kanak-perempuan-cedera-terjatuh-dari-tingkat-dua-pangsapuri	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/04/kanak-kanak-lima-tahun-cedera-jatuh-dari-tingkat-dua-pangsapuri/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084373/budak-lima-tahun-patah-paha-jatuh-dari-tingkat-tiga	HMETRO.COM.MY	



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my
[f](#)
[t](#)
[@](#)
 kpwkm


28/4/2024

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	PEMANDU HILUX 'PERGI' TINGGALKAN BAYI BARU LAHIR KURANG 40 HARI		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/04/1084324/pemandu-hilux-pergi-tinggalkan-bayi-baru-lahir-kurang-40-hari	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	[VIDEO] GIGIL TUBUH DIEKORI WARGA ASING DALAM TREN		NEGATIF
	https://www.kosmo.com.my/2024/04/27/gigil-tubuh-diekori-warga-asing-dalam-tren/	KOSMO.COM.MY	

PECAHAN KATEGORI PERANTARAAN MEDIA

JKM	26
Negative	18
Neutral	1
Positive	7
KPWKM	19
Negative	7
Positive	12
Jumlah	45



TAJUK : PUSAT JAGAAN ANIAYA WARGA EMAS AKAN DITUTUP: NANCY

HARI : AHAD

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 28 APR 2024

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pusat jagaan aniaya warga emas akan ditutup: Nancy

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan menutup dan menarik balik lesen mana-mana pusat jagaan yang didapati bersalah menganiaya warga emas di bawah jagaan mereka.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, penutupan akan dibuat selepas laporan polis berhubung kes diterima dan dimuktamadkan oleh kementerian.

"Bagi pusat yang berdaftar, kita boleh menarik balik lesen mereka mengikut prosedur tertentu dan pemeriksaan akan dijalankan secara mengejut," ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Ramah-Tamah Aidilfitri anjuran Pejabat Daerah Kuching dan Ketua Masyarakat Ketua Kaum (KMKK)



PELBAGAI PILIHAN: Nancy (dua kanan) melihat juadah yang disediakan pada Majlis Ramah-Tamah Aidilfitri anjuran Pejabat Daerah Kuching dan KMKK Daerah Kuching, semalam.

Daerah Kuching di pekarangan Bangunan Majma di sini, semalam.

Sehubungan itu, Nancy mengingatkan pihak yang

mengusahakan pusat jagaan warga emas agar menjalankan tugas mereka dengan baik dan amanah.

[Lihat Muka 2](#)

Pusat jagaan aniaya warga emas akan ditutup: Nancy

Dari Muka 1

"Ingat, suatu hari nanti kita juga akan mencapai usia tua dan memerlukan perkhidmatan ini untuk membantu kita.

"Jadi saya berharap insiden seperti ini tidak berulang dan berlaku sama ada di negeri Kedah atau mana-mana negeri," katanya.

Mengenai kes penganiayaan warga emas di Ke-

dah baru-baru ini, Nancy berkata beliau difahamkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sudah turun menyiasat.


Hasil siasatan katanya, mendapati pusat jagaan tersebut yang dimiliki oleh pihak swasta tidak berdaftar dengan kementerian.

"Kes sudah dilaporkan kepada pihak polis dan apa yang kami akan lakukan ialah kita akan tutup tempat itu se-

lepas laporan polis diterima," katanya.

Terdahulu pada Khamis lepas, polis menahan pemilik rumah kebajikan itu, seorang lelaki berusia 44 tahun dan seorang wanita berusia 36 tahun yang bekerja sebagai pembantu.

Rakaman video yang memaparkan warga emas dipukul dengan kayu di rumah kebajikan itu turut tular di media sosial.



Rumah kebajikan dihuni warga emas dipukul dengan kayu tidak daftar JKM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri beramah mesra dengan ketua kaum, penghulu dan pemimpin akar umbi seluruh Kuching yang menghadiri Program Majlis Ramah Tamah Aidilfitri Pejabat Daerah Kuching hari ini. FOTO BERNAMA

Kuching: Rumah kebajikan dihuni warga emas yang dipukul dengan kayu di Taman Desa Aman, Padang Serai, Kedah baru-baru ini didapati tidak berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, hal itu dibongkar selepas siasatan dilakukan oleh pihak JKM serta polis terhadap rumah kebajikan swasta itu.


"Apa yang kita akan lakukan selepas ini adalah apabila selesai siasatan daripada pihak polis kita akan tutup rumah kebajikan terbabit.

"Saya ingin mengingatkan kepada mereka yang diberi amanah dan tanggungjawab menjalankan tugas menjaga warga emas supaya menjalankan tugas dengan baik. Kita perlu ingat satu hari nanti kita juga akan berada di situasi itu (akan tua) dan kita memerlukan orang melindungi kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Program Majlis Ramah Tamah Aidilfitri Pejabat Daerah Kuching di sini, hari ini.

Khamis lalu, polis menahan pemilik rumah kebajikan itu, seorang lelaki berusia 44 tahun dan seorang wanita berusia 36 tahun yang bekerja sebagai pembantu.

Sebelum itu, rakaman video yang memaparkan insiden berkenaan tular di media sosial.



Direktori CBO akan diperluas ke daerah-daerah di Sarawak: Nancy

© 2024-04-27T17:05:39+08:00



Nancy bersalaman dengan KMKK Daerah Kuching setibanya pada Majlis Ramah Tamah Aidilfitri, hari ini. Turut kelihatan, Sofhi (kanan).

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat akan memperluaskan Direktori Organisasi Berasaskan Komuniti (CBO) ke daerah-daerah di negeri ini.

Menterinya Dato Sri Nancy Shukri berkata, Direktori CBO merupakan usaha terbaharu kementerian untuk membendung peningkatan kes-kes penderaan kanak-kanak dan keganasan rumah tangga dalam komuniti.

"Kes-kes seperti ini dilihat semakin banyak berlaku di kampung-kampung dan sebab itu kementerian telah melancarkan Direktori CBO ini.

"Tujuannya, supaya ketua masyarakat dapat menghubungi pihak berkuasa yang relevan jika berlaku kes-kes seperti ini di tempat bidang kuasa mereka," ujarnya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Ramah Tamah Aidilfitri anjuran Pejabat Daerah Kuching dan Ketua Masyarakat Ketua Kaum (KMKK) Daerah Kuching di pekarangan Bangunan Majma di sini, hari ini.

Hadir sama Pegawai Daerah Kuching Sofhi Jebal serta KMKK di bawah pentadbiran Daerah Kuching.

Mengulas lanjut mengenai Direktori CBO, Nancy berkata ia sudah dilancarkan di empat lokasi iaitu di Sepang, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.


Untuk Daerah Kuching katanya, perancangan sudah ada untuk mewujudkan Direktori CBO tetapi tarikh pelancarannya belum diketahui kerana prosesnya mengambil masa yang agak lama.

"Jadi bila dilancarkan di Kuching, belum tahu lagi, sebab mengambil masa kerana Direktori CBO ini sangat 'localised' dan kita tidak dapat meniru CBO yang diwujudkan di tempat yang lain," katanya.

Bagaimanapun kata Nancy, KMKK ketika ini membantu menjalankan tugas mereka dan bekerja rapat dengan Pejabat Daerah dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Ujar Nancy lagi, direktori itu bukan sahaja untuk masyarakat terutama KMKK merujuk kes-kes penderaan dan keganasan rumah tangga.

Ia juga katanya boleh digunakan bagi merujuk perkara berkaitan kebajikan, orang kelainan upaya (OKU), Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) dan sebagainya yang berkaitan dengan masyarakat.



FAIRUL Nizam menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak pada Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Rembia. Foto Muhammad Rasul Azli Samad

Kebajikan warga Rembia jadi keutamaan – Fairul Nizam

LIANA SAHABUDIN
SABTU, 27 APRIL 2024 @ 11:45

REMBIA 27 April – Kebajikan masyarakat di Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia menjadi keutamaan bagi Datuk Fairul Nizam Roslan.

Fairul Nizam yang merupakan Penyelaras Japerun Rembia berkata, pihaknya bersama pemimpin masyarakat telah bergerak aktif dengan menubuhkan pasukan khas (task force) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Melaka sejak November tahun lalu.

Beliau yang juga Exco Sains, Teknologi, Inovasi dan Komunikasi Digital negeri berkata, setakat ini pihaknya telah menghantar 200 permohonan bagi membantu golongan memerlukan.

“Bermula 1 November lalu saya diarahkan Kerajaan Negeri untuk menguruskan Japerun Rembia, perkara pertama saya laksanakan adalah penstrukturan semula Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

“Saya turun padang bagi program Ziarah Kasih dan apa yang saya lihat ramai pemohon yang sepatutnya layak menerima bantuan kebajikan tetapi tidak dapat.

“Alhamdulillah setelah kita buat ‘task force bersama JKM, kita berjaya menghantar sekurang-kurangnya 200 permohonan bantuan kebajikan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Rumah Terbuka Aidilfitri Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia di Japerun Rembia, di sini, malam tadi.

Sambutan yang dihadiri lebih 5,000 tetamu itu turut diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri, Tun Seri Seri Dr. Mohd Ali Mohd Rustam.

Dalam pada itu, Fairul Nizam berkata pihaknya bersama Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) bakal membaik pulih rumah penduduk yang usang di kawasan berkenaan.

“Kita sudah membuat permohonan sejak November lalu melalui MPAG dan telah lulus sebanyak 13 unit rumah yang akan dibaik pulih pada tahun ini,” katanya.



TAJUK :	PELAN TINDAKAN LINDUNGI KANAK-KANAK DIRANCANG		
HARI :	AHAD	AKHBAR :	BERITA HARIAN AHAD
TARIKH :	28 APR 2024	M/SURAT :	07
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Azalina membantu menyediakan hidangan pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Pengerang di Dataran Tasik Bandar Penawar, malam kelmarin.
(Foto ihsan FB Azalina Othman Said)

Pelan tindakan lindungi kanak-kanak dirancang

Kota Tinggi: Kerajaan merancang mewujudkan satu pelan tindakan bagi memberi perlindungan undang-undang kepada kanak-kanak di dalam negara, termasuk kanak-kanak bukan warganegara Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata idea pelan tindakan itu bakal diperolehi melalui Simposium Antarabangsa: Pemerkasaan Suruhanjaya Kanak-Kanak: Memperkukuh Hak dan Melindungi Masa Depan.

Katanya, simposium bertaraf antarabangsa itu dijangka diadakan di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC), pada Isnin dan Selasa ini.

“Simposium ini membawa pandangan pakar dari dalam dan luar negara berhubung kewujudan Pe-

jabat Suruhanjaya Kanak-Kanak di negara masing-masing.

“Kita akan menilai cara dan cabaran mereka supaya kesilapan mereka kita tidak ulang meskipun kita baru dalam mewujudkan Suruhanjaya Kanak-Kanak ini. Walaupun kita sudah ada di bawah SUHAKAM, tetapi kita nak ada pengkhususan.

“Jadi harapan saya simposium selama dua hari ini kita akan dapatkan ‘roadmap’ untuk memberikan lebih banyak perlindungan dari segi undang-undang kepada kanak-kanak dalam negara, sama ada anak Malaysia atau anak bukan warganegara,” katanya yang akan merasmikan simposium berkenaan Isnin ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Pengerang di Dataran Tasik Bandar Penawar, malam kelmarin.



TAJUK : SYMPOSIUM TO CHART ROADMAP TO ENHANCE LEGAL PROTECTION TO CHILDREN - MINISTER

HARI : AHAD

AKHBAR : THE SUNDAY POST

TARIKH : 28 APR 2024

M/SURAT : 01

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Symposium to chart roadmap to enhance legal protection for children — Minister

KOTA TINGGI: The government is poised to establish a roadmap aimed at enhancing legal protection for children nationwide, irrespective of citizenship status.

Minister in Prime Minister's Department (Law and Institutional Reform) Datuk Seri Azalina Othman Said says the roadmap is expected to be outlined at the 'International Symposium on Empowerment of Children's Commission:

Strengthening Rights and Safeguarding Futures', scheduled for tomorrow.

The two-day event will take place at the Asia International Arbitration Centre auditorium, Bangunan Sulaiman in Kuala Lumpur.

"There will be experts from abroad who have established child commissioner offices. We will assess their methods and the challenges they face (in child protection issues).

"Although we already have the Malaysian Human Rights Commission (Suhakam), we need specialisation. Through this symposium, it is hoped that we will be able to develop a roadmap to provide greater legal protection to all children in our country, both Malaysian and non-citizen," Azalina told reporters at the 'Pengerang Parliamentary's Hari Raya Aidilfitri Open House' on Friday night.

The symposium is jointly

organised with the Legal Affairs Division of the Prime Minister's Department, Unicef Malaysia, the European Union Delegation to Malaysia, as well as Suhakam, featuring speakers from various countries and will be attended by former Chair of the United Nations on the Rights of the Child, Dr Mikiko Otani.

Meanwhile, Azalina said the federal government was considering a proposal to establish a hospital in the

Pengerang area.


The Pengerang MP said Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim had responded favourably to her proposal during a recent meeting. She added that the hospital would enhance healthcare accessibility for residents, a crucial need given Pengerang's fast-paced development driven by the Refinery and Petrochemical Integrated Development (Rapid) Project, alongside its status as a

tourist destination.

According to Azalina, the nearest health facility is the Kota Tinggi Hospital, which is approximately 50km away.

"We are concerned about any emergencies that may arise. While Rapid has the capability to transport patients to private hospitals or utilise helicopter services, it is subject to weather conditions and also relies on land transportation as well."

— Bernama



Kerajaan rancang pelan tindakan perlindungan undang-undang kepada kanak-kanak - Azalina

Oleh Omar Ahmad - April 27, 2024 @ 9:48am
bhnews@bh.com.my



Azalina membantu menyediakan hidangan makanan sempena Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Pengerang di Dataran Tasik Bandar Penawar di sini, malam tadi. - FB Azalina Othman Said.

KOTA TINGGI: Kerajaan merancang mewujudkan satu pelan tindakan bagi memberi perlindungan undang-undang kepada kanak-kanak di dalam negara, termasuk kanak-kanak bukan warganegara Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata idea pelan tindakan itu bakal diperoleh melalui Simposium Antarabangsa: Pemerkasaan Suruhanjaya Kanak-Kanak: Memperkukuh Hak dan Melindungi Masa Depan.

Katanya, simposium bertaraf antarabangsa itu dijangka akan diadakan di Auditorium, Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asia (AIAC), pada Isnin dan Selasa ini.

"Simposium ini membawa pandangan beberapa pakar dari dalam dan luar negara berhubung kewujudan Pejabat Suruhanjaya Kanak-kanak di negara masing-masing.

"Kita akan menilai cara dan cabaran mereka supaya kesilapan mereka kita tidak boleh ulang meskipun kita baru dalam mewujudkan Suruhanjaya Kanak-Kanak ini. Walaupun kita sudah ada dibawah SUHAKAM tetapi kita nak ada pengkhususan.

"Jadi harapan saya simposium selama dua hari ini kita akan dapatkan 'roadmap' untuk memberikan lebih banyak perlindungan daripada segi undang-undang kepada kanak-kanak dalam negara kita, sama ada anak Malaysia atau anak bukan warga negara Malaysia.


"Ini adalah isu lebih kepada perlindungan undang-undang. Saya tidak sentuh isu kebajikan, persekolahan tetapi isu undang-undang kanak-kanak," katanya yang akan merasmikan Simposium berkenaan pada Isnin ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Parlimen Pengerang di Dataran Tasik Bandar Penawar di sini, malam tadi.

Program yang julung kalinya diadakan itu anjuran bersama Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU), UNICEF Malaysia, Delegasi Kesatuan Eropah ke Malaysia, dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Seramai 10 pakar dari pelbagai negara termasuk Thailand, Filipina dan Australia akan berbincang dan memberikan pandangan dalam simposium berkenaan.

Simposium itu juga menampilkan bekas Pengerusi Jawatankuasa PBB mengenai Hak Kanak-kanak, Dr Mikiko Otani, bekas Pesuruhjaya Kanak-kanak Scotland, Prof Bruce Adamson dan Pesuruhjaya Kanak-kanak Kebangsaan dari Australia, Anne Hollonds.



Kanak-kanak perempuan cedera terjatuh dari tingkat dua pangsapuri

April 27, 2024 @ 7:32pm



Foto hiasan


SEREMBAN: Seorang kanak-kanak perempuan cedera selepas terjatuh dari tingkat dua rumahnya di Pangsapuri Taman College Height di sini pagi tadi.

Ketua Polis Daerah Seremban, Asisten Komisioner Mohamad Hatta Che Din, berkata kejadian kira-kira 9.20 pagi itu berlaku ketika kanak-kanak berusia empat tahun berkenaan dipercayai berada bersama seorang adik perempuannya berusia tiga tahun, manakala ibu bapa mereka tiada di rumah.

"Berdasarkan pemerhatian, tingkap rumah itu tidak berkunci dan tiada jeriji. Ketika tiba, anggota polis lihat saksi memangku kanak-kanak itu yang dalam keadaan sedar," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata, kanak-kanak itu yang cedera pada dagu dan patah tulang paha kini dirawat di Hospital Tuanku Ja'afar di sini, manakala polis akan merekodkan keterangan ibu bapanya untuk siasatan mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Mohamad Hatta sehubungan itu menasihati ibu bapa supaya tidak meninggalkan anak-anak yang masih kecil bersendirian di rumah walaupun hanya sebentar. – BERNAMA



Pemandu Hilux 'pergi' tinggalkan bayi baru lahir kurang 40 hari

Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my



Juhasni Naini Junoh, 48, menunjukkan gambar adiknya, Juhazrie Junoh, 37, yang meninggal dunia dalam kemalangan membabitkan dua kenderaan pacuan empat roda di Kilometer (KM) Jalan Kota Bharu - Gua Musang, dekat Bukit Ah Kim, tengah malam tadi. FOTO SYAHERAH MUSTAFA

Kuala Krai: "Adik saya baru terima cahaya mata keempat dengan usia kurang 40 hari, isterinya juga masih berpantang," kata Juhasni Naini Junoh.

Juhasni, 48, adalah kakak kepada Juhazrie Junoh, 37, pemandu Toyota Hilux yang meninggal dunia dalam kemalangan membabitkan dua kenderaan pacuan empat roda di Jalan Kuala Krai-Gua Musang, tengah malam tadi.

Menurutnya, dia menerima berita kemalangan daripada seorang anak saudara dan terus bergegas ke hospital sebelum dimaklumkan bahawa adik bongsunya itu sudah meninggal dunia.

Katanya, berat hati mereka sekeluarga untuk memaklumkan berita ini kepada adik iparnya, Hariatul Laili Omar, 35, yang masih berpantang.

"Alhamdulillah, dia reda dan turut sama ke Unit Forensik Hospital Sultan Ismail Petra sebelum dinasihati keluarga supaya pulang ke rumah terlebih dahulu.

"Kali terakhir saya berjumpa dengan Juhazrie pada malam kelmarin di rumah ibu kami kerana dia sekeluarga menetap di situ sambil menjaga ibu yang sudah berusia.

"Tiada perubahan yang ditunjukkan arwah cuma pada hari raya lalu, dia sangat gembira menyambutnya bersama keluarga.

"Saya dimaklumkan bahawa dia ke Perak atas urusan kerja bersama tiga lagi rakan dan dia memang seorang yang sangat sibuk kerana bekerja sendiri," katanya ketika ditemui di pekarangan Unit Forensik Hospital Sultan Ismail Petra di sini, hari ini.

Juhasni berkata, adiknya seorang yang periang dan paling tegas dengan anak-anak saudara selain sangat bertanggungjawab dengan menjaga ibu, Asiah Ibrahim, 76, yang sudah berusia.

"Kami reda dengan ketentuan Illahi dan berharap agar isterinya terus kuat menerima ujian ini. Kami sekeluarga masih terkejut namun perlu terus memberi semangat kepada isteri dan anak-anak arwah yang masih kecil.


"Insya-Allah...selepas siap proses bedah siasat jenazah akan dibawa pulang dan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pek, Machang," katanya.

Sementara itu, Muhammad Afiq Anaqi, 20, anak kepada Mohd Anif Mat Jizi, 41, penumpang Toyota Hilux yang juga maut dalam kejadian itu berkata, dia menerima berita kemalangan membabitkan bapanya pada 2 pagi selepas diberitahu oleh ibu, Siti Fatimah Hassan, 39.

"Saya kemudiannya bergegas ke hospital bersama ibu sebelum diberitahu bapa meninggal dunia.

"Ibu pengsan beberapa kali dan turut menerima rawatan sebagai pesakit luar kerana terkejut dengan apa yang berlaku.

"Kami reda dengan takdir ini serta berharap agar urusan bedah siasat dapat selesai dengan segera dan saya berjanji akan menjaga ibu serta adik-adik dengan baik memandangkan saya adalah anak sulung," katanya.



[VIDEO] Gigil tubuh diekori warga asing dalam tren

Oleh FATIN FILZATI BADRUL 27 April 2024, 1:41 pm



Tangkap layar menunjukkan warga asing mengekori seorang lelaki di Transit Aliran Ringan (LRT).

PETALING JAYA – Seorang lelaki mendakwa diekori warga asing sewaktu dalam perjalanan dari Terminal Bersepadu Selatan (TBS) hingga ke stesen Transit Aliran Ringan (LRT) Laluan Ampang.

Menerusi perkongsian video oleh Kuya Allan di laman X, warga asing itu cuba merapati dan memandang ke arahnya sehingga mengundang rasa tidak selesa.

"Menggigil saya, kali ini dia (warga asing) makin dekat. Saya lari ke sebelah. Masa ini saya sudah kena serangan anxiety (kebimbangan)," katanya.

Menurutnya, lelaki itu kemudian mengekorinya keluar dari pengangkutan awam tersebut dan mula beredar selepas dia berjumpa dengan anggota polis bantuan di stesen berikutnya.

Mengulas lanjut, Kuya memberitahu, anggota polis kemudian menemaninya di dalam LRT sebelum menghantarnya pulang dengan selamat.

Pemilik video itu turut mengucapkan terima kasih kepada anggota polis bantuan tersebut yang membantunya ketika berdepan situasi kecemasan seperti ini.

Dalam pada itu, ramai pengguna media sosial meninggalkan komen dan pandangan berhubung kejadian malang itu.

"Tak kisah siapa atau dari mana kita datang, ini dianggap gangguan seksual. (Warga) Bangladesh tu sepatutnya dipenjar. Saya tak boleh bayang macam mana kalau benda terjadi kepada perempuan," komen @lamraf.

"Tolong dekatkan diri dengan orang ramai kalau benda ini terjadi. Harap orang sekeliling sedar kalau ada yang kena gangguan seksual ini," cadang @Putriila.

"Lelaki pun sudah tidak selamat sekarang. Semoga abang dan sesiapa yang baca ini dipelihara dari benda tidak baik oleh Allah," komen @izzaturzbr. – KOSMO! ONLINE